

PEMBEBASAN **HUBUNG KAIT SUTTA - VINAYA**

BHIKKHU DHAMMA VUDDHO MAHATHERA

ARTIKEL INI PERTAMA KALI MUNCUL DALAM THERAVĀDA (MAC 1999),
THE JOURNAL OF THERAVĀDA SOCIETY OF AUSTRALIA,
TELAH DITERJEMAHKAN KE BAHASA JERMAN DAN
DITERBITKAN DI SWITZERLAND PADA TAHUN 2000.
DITERJEMAHKAN KE BAHASA INDONESIA PADA TAHUN 2007

EDISI BAHASA MALAYSIA

EDISI PERTAMA, OKTOBER 2012

EDISI INI ADALAH TERJEMAHAN BUKU 'LIBERATION: RELEVANCE OF SUTTA-VINAYA' (4th
edition)

Penterjemah:

Para Penyokong Vihara Buddha Gotama

SUMBER:

Vihara Buddha Gotama
www.vbgnet.org

Pencetak

Chee Khoo Printings Sdn Bhd

Antara Semua Pemberian, Pemberian Dhamma Adalah Yang Terunggul.
Sabba Danam Dhammadanam Jinati

SEMOGA SEMUA MAKHLUK BAHAGIA

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
1. PENGENALAN	3
2. NIKAYA	3
3. DHAMMA-VINAYA ADALAH GURU KITA	4
4. MANFAAT MENDENGAR DHAMMA	8
5. TIADA PENCERAHAN TANPA PENGETAHUAN DHAMMA DAN JHANA	11
6. LIMA KETIKA UNTUK PENCAPAIAN PENCERAHAN	12
7. KEPENTINGAN PENDENGARAN DHAMMA	14
8. KESIMPULAN	15
9. CADANGAN SINGKAT CARA MENGAJI NIKAYA	15

PEMBEBASAN

HUBUNG KAIT SUTTA - VINAYA

Bhikkhu Dhammavuddho Mahathera
Namo Tassa Bhagavato Arahato Samma Sambuddhassa

PENGENALAN

Kini, buku mengenai agama Buddha semakin bertambah bilangannya. Kajian terhadap buku-buku ini pasti menyebabkan pembaca terpengaruh dengan pandangan dan interpretasi peribadi para penulis mengenai ajaran sebenar Buddha. Ini boleh mengakibatkan pandangan salah. Pada masa yang sama, terdapat guru meditasi yang menasihati murid-murid mereka supaya tidak mengkaji sama sekali tetapi hanya bermeditasi. Sebenarnya apa yang disyorkan oleh mereka adalah supaya murid-murid hanya mendengar ajaran mereka sahaja. Demi mengelakkan kedua-dua situasi ekstrim ini, kita harus mengamalkan jalan tengah yang diajar oleh Buddha – menyelidik khutbah beliau¹ dan mengamalkan sebaik mungkin Jalan Ariya Berunsur Delapan seperti yang dinasihati beliau. Kepentingan khutbah Buddha demi pengamalan *Dhamma*, sama ada untuk umat awam mahupun para *bhikkhu* tidak harus disangkal lagi.

Buddha memberi amaran bahawa pada masa yang akan datang orang ramai tidak lagi ingin mendengar khutbah (*Sutta*) beliau. Tercatat dalam *Samyutta Nikaya Sutta* 20.7: “... pada masa yang akan datang, *Sutta* yang diucapkan oleh *Tathagata*, yang mengandungi erti yang dalam, menjangkau hal-hal keduniaan, mengenai kekosongan: semua ini, ketika diucapkan, mereka tidak mahu dengar, tidak memasang telinga untuk dengar, tidak bersedia untuk memahami, untuk mengulangi, untuk menguasai. Tetapi ajaran (iaitu buku-buku terbaru) penyair-penyair, yang hanya merupakan puisi, kelompok perkataan dan ungkapan, asing (di luar ajaran Buddha), *ucapan para pengikut (sami-sami kini): semua ini, apabila diucapkan, mereka akan dengar, akan memasang telinga untuk dengar, bersedia untuk memahami, untuk mengulangi, untuk menguasai. Oleh yang demikian, para bhikkhu, Sutta yang diucapkan oleh Tathagata, yang mengandungi erti yang dalam, menjangkau hal-hal keduniaan, mengenai kekosongan, akan hilang. Oleh itu, para bhikkhu, latihlah diri kalian sebegini: Pada Sutta lah kami akan dengar, pasang telinga untuk dengar, faham, ulang dan kuasai.*”

Sebagai ganti *Sutta*, ramai orang lebih suka mengkaji buku-buku lain atau mendengar ajaran-ajaran orang lain, yang mungkin tidak konsisten dengan *Sutta*. Ini mengakibatkan dua kesan buruk berikut:

- *Sutta* akan hilang, dan
- Orang ramai akan mendapat pemahaman yang salah tentang *Dhamma*.

NIKAYA

Sutta terkandung dalam *Sutta Pitaka* (Koleksi khutbah) yang merangkumi lima koleksi

¹ Penekanan Buddha terhadap pengetahuan mendalam mengenai khutbah boleh dijumpai contohnya dalam *Majjhima Nikaya Sutta* 53 dan *Anguttara Nikaya Sutta* 4.22.

(*Nikaya*). Empat koleksi yang pertama ialah:

- *Digha Nikaya*, terdiri daripada tiga buah buku yang mengandungi khutbah panjang (34 *Sutta*);
- *Majjhima Nikaya*, terdiri daripada tiga buah buku yang mengandungi khutbah sederhana panjang (152 *Sutta*);
- *Samyutta Nikaya*, mengandungi sekitar 2000 khutbah pendek dalam lima buah buku; dan
- *Anguttara Nikaya*, mengandungi sekitar 2000 khutbah pendek dalam lima buah buku.

Khuddaka Nikaya, koleksi yang kelima adalah koleksi “kecil”. Walaupun digelar “kecil”, ini pada hakikatnya adalah koleksi terbesar hasil tambahan buku demi buku setelah sekian lama. *Khuddaka Nikaya* telah berkembang menjadi 15 buku dalam versi bahasa Thai dan Sri Lanka. Pada tahun 1956, Sidang *Sangha* di Burma telah menambahkan lagi tiga buah buku; yang bukan merupakan kata-kata Buddha sendiri. Ketiga-tiga buah buku tersebut adalah *Milinda Panha*, *Petakopadesa* dan *Nettipakarana*. Dengan cara inilah *Khuddaka Nikaya* berkembang dari koleksi kecil menjadi koleksi besar! Pada masa yang akan datang, katakan selepas 500 atau 1000 tahun, ini pasti akan menyebabkan lebih banyak kekeliruan. Antara lapan belas buah buku yang ada sekarang, mungkin hanya enam buah sahaja yang boleh dipercayai kerana keenam-enam buku ini tidak bercanggah dengan empat *Nikaya* terdahulu. Enam buah buku yang boleh dipercayai adalah *Dhammapada*, *Sutta Nipata*, *Theragatha*, *Therigatha*, *Itivuttaka* dan *Udana*.

Sebagai umat Buddhis, kita harus membiasakan diri dengan *Sutta* dan jika boleh patut dapatkan salinan sendiri. Ramai umat Buddhis tidak mempunyai koleksi *Nikaya* sendiri dan ini merupakan fakta yang menyedihkan kerana kita jarang menemui umat Muslim tanpa Quran atau umat Kristian tanpa Alkitab.

DHAMMA-VINAYA ADALAH GURU KITA

Kini, ajaran Buddha sering dirujuk sebagai *Tipitaka* atau *Tripitaka* (Tiga Koleksi), walaupun digelar “*Dhamma-Vinaya*” oleh Buddha di dalam khutbah. Dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 4.180, *Buddha secara khusus merujuk kepada Dhamma sebagai Sutta (khutbah)*. *Vinaya* adalah peraturan para *bhikkhu* dan *bhikkhuni*. Dalam *Nikaya, Sutta* adalah “*Saddhamma*” yang bermaksud “*Dhamma yang benar*”.

Dhamma yang benar terkandung dalam khutbah tertua Buddha yang dijumpai dalam *Digha, Majjhima, Samyutta* dan *Anguttara Nikaya*, dan enam buah buku dari *Khuddaka Nikaya* yang dinyatakan di atas. Kesemua *nikaya* ini secara umumnya diterima oleh semua mazhab Buddhis sebagai ajaran asli Buddha, tidak seperti buku-buku lain yang kontroversial kerana mengandungi percanggahan dengan *Nikaya*. *Khutbah tertua dalam Nikaya adalah sangat konsisten dan mengandungi ciri pembebasan dari penderitaan*.

Dalam *Maha Parinibbana Sutta (Digha Nikaya Sutta 16)* yang mengandungi catatan terperinci peristiwa kematian Buddha, *Buddha menasihati para bhikkhu*: “*Apa jua Dhamma-Vinaya yang telah saya tunjukkan dan rumuskan untuk kalian, itu yang akan menjadi Guru kalian ketika saya tiada.*” Ini adalah satu kenyataan sangat penting yang telah diabaikan oleh ramai umat Buddhis. Oleh sebab ramai umat Buddhis tidak pernah mendengar nasihat ini atau

tidak memahami kepentingannya, mereka mencari merata-rata seorang guru; guru yang mempunyai pencapaian yang boleh dibangga-banggakan serta boleh dimegah-megahkan. Malah ada yang mengembara separuh dunia atau lebih dalam pencarian sedemikian.

Orang sedemikian mewujudkan kultus personaliti berdasarkan persepsi tentang kebaikan guru tersebut dan bukannya *Dhamma-Vinaya*. Dalam beberapa kes, selepas masa beberapa tahun, guru mereka mati meninggalkan mereka bersendirian. Meskipun masa terus berlalu, pengikut-pengikut tersebut masih tidak mencapai kemajuan dan gagal merasai inti sari *Dhamma*. Mereka akan berasa kekosongan. Oleh sebab itu, kita harus selalu ingat bahawa *Dhamma-Vinaya* adalah Guru yang Terutama.

Sekali lagi, dalam *Digha Nikaya Sutta* 16, Buddha berkata: “*Para bhikkhu, jadilah pelita untuk kalian sendiri, jadilah pelindung untuk kalian sendiri, dengan tiadanya pelindung lain. Jadikan Dhamma sebagai pelita kalian, jadikan Dhamma sebagai pelindung kalian, dengan tiadanya pelindung lain.*” Dengan kata lain, kita harus bergantung sepenuhnya kepada diri sendiri dan pada kata-kata Buddha.

KATA-KATA BUDDHA DIDAHULUKAN

Mari kita pertimbangkan apa yang terjadi selepas kematian Buddha. Sekitar 100 tahun selepas Buddha *Parinibbana*, timbul konflik di kalangan para *bhikkhu*. Sidang *Sangha* kedua diadakan untuk menyelesaikan pertikaian ini. Sepuluh topik dipertikaikan, salah satu daripadanya berkaitan dengan soalan sama ada kita harus sentiasa mengikuti nasihat Guru kita. *Dalam kes ini, telah diputuskan bahawa jika ajaran seseorang bhikkhu atau arahannya adalah menurut ajaran Buddha (iaitu Sutta tertua dan Vinaya), maka kata-katanya harus diikuti. Akan tetapi, jika arahannya bertentangan dengan ajaran Buddha, maka kata-katanya harus diabaikan.*

Dengan ini, keputusan Sidang *Sangha* kedua mengenai perkara ini adalah sangat jelas dan pasti: Kata-kata Buddha didahulukan atas kata-kata *bhikkhu* yang lain. Maka, umat Buddhis seharusnya membiasakan diri dengan *Sutta* supaya mereka dapat memutuskan sama ada arahan *bhikkhu* atau guru yang lain menurut ajaran Buddha. Inilah sebabnya mengapa umat Buddhis harus selalu ingat bahawa *Dhamma-Vinaya* adalah Guru yang terutama. Untuk umat awam, rujukan yang lebih khusus adalah khutbah tertua dalam *Nikaya*.

PERLINDUNGAN HANYA DALAM BUDDHA, DHAMMA DAN SANGHA

Dalam *Sutta*, Buddha merujuk kepada seorang *bhikkhu* sebagai *kalyanamitta* (kawan baik). Seorang *bhikkhu* adalah kawan baik yang memperkenalkan ajaran Buddha kepada anda dan mendorong anda dalam jalan kerohanian. Walaubagaimanapun, anda sendirilah yang harus mengambil tiga perlindungan (iaitu kebergantungan) dalam *Buddha*, *Dhamma* dan *Sangha*. Namun kini, ada yang telah menambah perlindungan keempat (iaitu perlindungan dalam seorang *bhikkhu* atau guru). Ini bertentangan dengan ajaran Buddha dan dinyatakan dengan sangat jelas di dalam *Sutta*.

Sebagai contoh, dalam *Majjhima Nikaya Sutta* 84, seorang raja meminta perlindungan dalam seorang *Arahant* yang sangat pandai mengajar. *Arahant* itu membalas bahawa perlindungan tidak boleh diambil dalam dirinya tetapi hanya dalam *Buddha*, *Dhamma* dan

Sangha. Raja bertanya di mana Buddha berada. *Arahant* itu menjelaskan bahawa Buddha telah *Parinibbana*. Walaubagaimanapun orang ramai masih harus mendapatkan perlindungan dalam *Buddha*, *Dhamma* dan *Sangha*. Ini menunjukkan bahawa kita harus selalu mengakui Buddha sebagai Guru yang Terutama dan jati diri Buddha sekarang terkandung dalam ajaran beliau (*Dhamma-Vinaya*). *Dhamma* merujuk kepada khutbah beliau (*Sutta*). *Sangha* adalah komuniti *bhikkhu/bhikkhuni*, secara idealnya mereka yang Mulia (*Ariya*)².

GURU TERMASYHUR BOLEH MEMPUNYAI PANDANGAN YANG SALAH

Memang sangat sukar membezakan antara seorang *Ariya* dengan seorang bukan *Ariya*, dan kita tidak boleh bergantung semata-mata pada khabar angin. Pengesyoran bahawa sekian dan sekian adalah *bhikkhu* yang terkenal, memiliki pencapaian tinggi dan sebagainya tidak harus dipercayai.

Seperti yang dinyatakan Buddha dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 5.88, seorang *bhikkhu* terkenal dengan status yang amat senior, yang mempunyai ramai pengikut dalam kalangan umat awam serta kalangan *bhikkhu/bhikkhuni*, dan yang amat terpelajar dengan kandungan kitab turut mungkin mempunyai pandangan salah. Buddha memberi peringatan sedemikian tentang masa akan datang (iaitu sekarang) kerana beliau dapat melihat dan mengetahui bahawa *bhikkhu-bhikkhu* sedemikian tidak boleh diharap. Oleh itu, kita harus bergantung kepada *Sutta* (dan *Vinaya* untuk *bhikkhu/bhikkhuni*) sebagai guru yang terutama. Guru-guru lain hanya layak menjadi kawan kerohanian sahaja.

Dalam Anguttara Nikaya Sutta 4.180, Buddha mengajar tentang apa yang dikatakan sebagai kuasa tertinggi. Beliau memberi nasihat apabila mana-mana bhikkhu mendakwa bahawa sekian dan sekian adalah ajaran Buddha, kita harus, tanpa menghina atau menerima dakwaan tersebut, bandingkan kata-kata tersebut dengan Sutta dan Vinaya. Jika dakwaannya tidak menurut Sutta dan Vinaya, kita harus menolak dakwaan tersebut.

Ini sekali lagi memberi gambaran bagaimana pemahaman *Sutta-Vinaya* yang kukuh boleh dijadikan panduan yang boleh dipercayai tentang apa yang sebenarnya diajar oleh Buddha. Pengetahuan ini membolehkan kita untuk membezakan antara guru yang mengajar *Dhamma* yang benar dengan guru yang memiliki pandangan yang salah.

KEPENTINGAN SADDHAMMA

Dalam *Samyutta Nikaya Sutta* 16.13, Buddha memberi peringatan bahawa *Dhamma* yang benar akan kekal tulen untuk jangka masa 500 tahun selepas Buddha *Parinibbana*. Selepas itu, adalah sangat sukar untuk membezakan antara ajaran yang benar dengan ajaran yang palsu. Mengapa sedemikian? Ini adalah kerana walaupun banyak buku terbaru mengandungi banyak *Dhamma*, *Adhamma* (iaitu apa-apa yang bertentangan dengan *Dhamma*) juga telah ditambahkan di sana sini. Perubahan yang tersebar di merata-rata bahagian dalam teks hanya dapat dilihat dengan jelas jika seseorang itu cukup teliti dan benar-benar mahir dengan *Sutta* tertua. Jika tidak, adalah amat sukar untuk membezakan buku-buku terbaru daripada buku-buku yang lebih awal.

² *Majjhima Nikaya Sutta* 142.

Dalam *Pasadika Sutta (Digha Nikaya Sutta 29)*, Buddha menyatakan bahawa ajaran beliau adalah tulen, sempurna dan lengkap. *Jikalau sesiapa menokok tambah, atau menyingkirkan apa-apa dari ajaran beliau, maka orang tersebut tidak memahami Dhamma.* Ini bermaksud bahawa kita seharusnya bergantung hanya pada khutbah tertua Buddha dan bukannya bergantung pada buku-buku terbaru. Ini juga bermaksud bahawa pengarang buku-buku terbaru yang mengandungi banyak bahan tidak terkandung dalam khutbah tertua Buddha tidak memahami *Dhamma*.

ANALOGI PERDAGANGAN EMAS

Dalam *Sutta* yang sama, Buddha menyamakan situasi ini dengan perdagangan emas. Beliau berkata pada masa itu orang ramai masih ingin membeli emas kerana hanya emas tulen dijual di pasaran. Namun suatu hari nanti, orang akan menghasilkan emas palsu berkualiti yang tidak boleh dibezakan daripada emas tulen. Dalam keadaan sebegini, orang ramai akan mula berwaspada. Mereka enggan membeli emas kerana takut apa yang dibeli mungkin emas palsu. Sebagai persamaan, Buddha menyatakan bahawa *Dhamma* akan tercemar pada masa akan datang. Apabila itu terjadi, adalah sangat sukar untuk membezakan *Dhamma* yang benar daripada yang palsu, dan orang ramai akan hilang minat terhadap *Dhamma*. Oleh itu, kita harus berusaha untuk mengetahui *Dhamma* yang benar supaya tidak terkeliru kelak.

KEPENTINGAN PANDANGAN BENAR

Sesungguhnya adalah amat penting kita mempelajari *Dhamma* yang benar. Mengapa sedemikian? Kita tahu bahawa satu-satunya jalan keluar dari *Samsara* (kitaran kelahiran kembali) seperti yang diajar oleh Buddha adalah Jalan *Ariya* Berunsur Delapan. Dalam *Majjhima Nikaya Sutta* 117 tercatat bahawa Jalan *Ariya* Berunsur Delapan bermula dengan Pandangan Benar. Tanpa Pandangan Benar seseorang belum memasuki Jalan tersebut. Menurut *Sutta* ini, Pandangan Benar akan membawa kepada Pemikiran Benar, dan seterusnya membawa kepada Pertuturan Benar. Pertuturan Benar akan membawa kepada Tindakan Benar. Tindakan Benar pula akan membawa kepada Penghidupan Benar, yang seterusnya membawa kepada Usaha Benar. Akhir sekali, Usaha Benar akan menjadi asas untuk Ingatan Benar yang membawa kepada Konsentrasi Benar. Melalui cara ini, faktor-faktor Jalan *Ariya* Berunsur Delapan yang lain, dengan berasaskan Pandangan Benar dapat diasuh dan diperkembang satu demi satu.

Dalam *Samyutta Nikaya Sutta* 45.1.8 juga tercatat bahawa orang yang memiliki Pandangan Benar memahami Empat Kebenaran *Ariya*. Jika seseorang itu memahami sepenuhnya Kebenaran *Ariya*, dia akan menjadi seorang *Arahant* atau *Pacceka Buddha*, bahkan seorang *Sammāsambuddha* sekalipun. Malahan pemahaman Kebenaran *Ariya* yang cetek secara perbandingan juga membolehkan seseorang itu menjadi seorang *Ariya*, orang yang mulia. Pandangan Benar adalah syarat untuk memasuki arus (*Magga*/Jalan pertama). *Anguttara Nikaya Sutta* 9.20, 10.63, dan *Samyutta Nikaya Sutta* 13.1 mengesahkan bahawa *Sotapanna* (*Phala*/Buah pertama) diberkati Pandangan Benar. Adalah jelas perkara pertama yang harus diperoleh dalam amalan Jalan *Ariya* Berunsur Delapan adalah Pandangan Benar. Pandangan Benar adalah sangat penting.

MANFAAT MENDENGAR DHAMMA

Buddha menggelar pengikut-pengikutnya *savaka* (pendengar) dan ini menekankan kepentingan mendengar *Sutta*. *Sutta* dan *Vinaya* jelas menunjukkan bahawa pencapaian peringkat *Ariya* pertama adalah melalui pendengaran khutbah Buddha. Kita kini sangat bertuah untuk memiliki khutbah Buddha yang terkandung dalam *Nikaya*, sebagaimana yang disampaikan beliau. Membaca *Sutta* adalah seolah-olah duduk di sebelah Buddha dan mendengar kata-kata beliau. Adalah bijak jika seseorang tidak membazirkan kesempatan yang jarang diperolehi ini untuk menyelidik *Sutta* tertua secara mendalam.

Dalam *Digha Nikaya Sutta* 14, Buddha menyatakan bahawa 6 orang (*Sammāsāma*) Buddha³ telah muncul sepanjang 91 kitaran dunia ini. Dapat dikatakan bahawa secara puratanya seorang Buddha muncul sekali selepas 10 kitaran dunia. Buddha memberikan perumpamaan untuk menggambarkan betapa tidak terhitung jangka masa satu kitaran dunia (*Samyutta Nikaya* 15.1.5). Sesungguhnya kemunculan seorang *Sammāsambuddha* memang sangat jarang berlaku. Kita beruntung kerana hidup dalam zaman yang masih mempunyai *Dhamma*! Ini adalah sama baiknya dengan kehidupan pada zaman Buddha. Pada hakikatnya, jika kita hidup pada zaman Buddha, kita mungkin tidak berupaya mempelajari sebanyak mana *Sutta* yang dapat kita lakukan sekarang, apabila khutbah-khutbah (sekitar 5000) boleh diperolehi dalam bentuk buku.

SOTAPATTI (PEMASUK ARUS) DICAPAI MELALUI PENDENGARAN DHAMMA

Dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 5.202, tercatat lima faedah mendengar *Dhamma*. Salah satu faedah ialah pencapaian Pandangan Benar. Oleh sebab pencapaian Pandangan Benar adalah sama dengan pencapaian peringkat *Ariya*, maka jelaslah bahawa pendengaran *Dhamma* membolehkan seseorang menjadi pengikut berperingkat *Ariya*⁴.

Dalam *Majjhima Nikaya Sutta* 43 tercatat dua syarat yang diperlukan demi kemunculan Pandangan Benar. Syarat-syarat tersebut adalah:

- Suara orang lain (mengajar *Dhamma*), dan
- Pertimbangan teliti (*yoniso manasikara*)⁵.

Hal ini sangat penting. Pandangan Benar hanya muncul hasil pendengaran *Dhamma* yang diajar oleh orang lain, bukan melalui hasil meditasi sendiri.

Dalam *Samyutta Nikaya Sutta* 46.4.8, Buddha memberi satu lagi pengesahan. Beliau menyatakan bahawa apabila seseorang memberi sepenuh perhatian semasa mendengar *Dhamma*, lima halangan (*nivāraṇa*) tidak wujud dan tujuh faktor pencerahan (*bojjhanga*)

³ Buku-buku terbaru memperkatakan tentang 28 orang Buddha. Ini adalah contoh yang baik untuk menggambarkan bagaimana perubahan boleh berlaku dalam buku-buku terbaru. Seseorang juga tidak akan menyedari perbezaan serius yang lain kecuali jika dia telah membiasakan diri dengan kata-kata Buddha dalam *Nikaya*.

⁴ Menurut *Samyutta Nikaya Sutta* 25.1, seseorang mencapai peringkat Jalan *Ariya* pertama (kemasukan arus) melalui pemahaman *Dhamma*, dan sebelum kematiannya dia akan mencapai peringkat *phala*/buah pertama (*Sotapanna*).

⁵ *Yoniso manasikara* bermaksud mampu mempertimbang atau memerhatikan (*manasikara*) sesuatu masalah sehingga sumbernya (*yonī*), iaitu dengan teliti. Oleh itu, kedua-dua perkataan ini bermaksud pertimbangan/perhatian teliti.

menjadi sempurna. Ini adalah syarat-syarat untuk menjadi seorang *Ariya*. Oleh itu, jika kita mendengar *Dhamma* dengan penuh perhatian, kita boleh menjadi seorang *Ariya*.

Dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 10.75 tercatat mengenai orang yang diselamatkan oleh *Dhamma*: "... oleh sebab dia telah mendengar (*savanena*), dia telah banyak belajar (*bahusacca*), dia telah menembusi pandangan, dia memenangi pembebasan separa ... pemasangan telinga untuk *Dhamma* (*Dhammasota*) menyelamatkan orang ini."

Perkataan *Sotapatti* terdiri daripada perkataan *sota* yang bermaksud "arus" atau "telinga", dan *apatti* bermaksud "memasuki". Biasanya, *Sotapatti* diterjemahkan sebagai "pemasukan arus" tetapi boleh juga bermaksud "pemasukan telinga" – yang merujuk kepada telinga yang telah ditembusi *Dhamma*. Pengkajian *Sutta* secara mendalam menunjukkan bahawa penterjemahan "pemasukan telinga" juga sah kerana pengikut-pengikut Buddha digelar *savaka* atau pendengar (*Dhamma*), dan beliau biasanya merujuk kepada mereka sebagai "pengikut-pengikut *Ariya*" di dalam *Sutta* (misalnya *Anguttara Nikaya Sutta* 4.58 dan 5.41).

Samyutta Nikaya Sutta 55.6.5 menjelaskan empat faktor yang diperlukan untuk pencapaian peringkat *Sotapatti* (*Sotapattiyangani*), iaitu:

- Bergaul dengan orang yang benar, iaitu orang yang memahami *Dhamma* yang benar,
- Mendengar *Dhamma* yang benar,
- Pertimbangan teliti, dan
- Pengamalan *Dhamma* berdasarkan *Dhamma*, iaitu menjalani kehidupan berdasarkan *Dhamma* – sebagai contoh, berpegang pada *sila* dan sebagainya.

Tambahan lagi, dalam *Sutta* dan *Vinaya* kita dapati bahawa kebanyakan orang mencapai peringkat pemasukan arus (Jalan Pertama) melalui pendengaran *Dhamma*. Orang sebegini dikatakan telah memperoleh Visi *Dhamma* (*Dhammacakkhu*), yang dijelaskan dalam *Sutta* sebagai menyedari bahawa "Semua yang tertakluk kepada kemunculan/kelahiran, adalah tertakluk kepada penghentian/kematian". Orang sebegini juga dikatakan telah "memahami *Dhamma* (yang asas), melampaui keraguan, dan tidak bergantung kepada sesiapa pun dalam pembelajaran ajaran Buddha.

SOTAPANNA DAN SAKADAGAMIN TIDAK MEMERLUKAN KONSENTRASI YANG SEMPURNA

Dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 3.85 dan 9.12, Buddha menyatakan bahawa *Sotapanna* dan *Sakadagamin* (Buah/Hasil *Ariya* pertama dan kedua) mempunyai *sila* yang sempurna. Buah/Hasil ketiga *Anagamin* mempunyai *sila* dan konsentrasi yang sempurna. Buah/Hasil keempat *Arahant* mempunyai *sila*, konsentrasi dan kebijaksanaan yang sempurna.

Kedua-dua *Sutta* ini menunjukkan bahawa pencapaian peringkat *Anagamin* dan *Arahant* memerlukan konsentrasi yang sempurna, yang selalunya didefinisikan dalam *Sutta* (iaitu *Samyutta Nikaya Sutta* 45.1.8 dan 45.3.8) sebagai empat *jhana* atau ketunggalan minda. Ketunggalan minda juga didefinisikan sebagai empat *jhana* dalam *Samyutta Nikaya Sutta* 48.10. Ini sekali lagi disahkan dalam *Majjhima Nikaya Sutta* 64 yang tercatat dengan jelas bahawa seseorang tidak mungkin menjadi seorang *Anagamin* atau *Arahant* tanpa kesemua empat *jhana*. Memang menarik untuk diketahui bahawa *Sotapanna* dan *Sakadagamin* pada

lazimnya tidak mempunyai konsentrasi yang sempurna (iaitu *jhana* keempat bukanlah prasyaratnya). Perbezaan antara kedua-dua pencapaian ini adalah *Sakadagamin* telah mengurangkan lebih banyak nafsu, kebencian dan kebodohan berbanding dengan *Sotapanna*. (Sila lihat AN3.85 dan AN9.12).

Pengurangan nafsu, kebencian dan kebodohan memerlukan *samadhi* (konsentrasi) kerana pencemaran-pencemaran sebegini ada kaitan dengan lima halangan (pencapaian *jhana* membolehkan halangan-halangan ini diatasi – sila lihat DN2). Dua daripada halangan-halangan ini adalah kehendak sensual (bersamaan dengan nafsu), dan niat jahat (berkaitan dengan kebencian). *Jhana* pertama, kedua atau ketiga diperlukan demi pencapaian peringkat *Sakadagamin*. Ini mengesahkan lagi pendapat bahawa peringkat pemasuk arus boleh dicapai melalui pendengaran *Dhamma* dengan pertimbangan/perhatian teliti.

Kita juga dapati dalam *Sutta* dan *Vinaya* bahawa ramai orang yang datang mendengar ajaran Buddha untuk kali pertama telah mencapai peringkat pemasuk arus. Dalam *Samyutta Nikaya Sutta* 55.1.2 juga tercatat bahawa ciri-ciri seorang *Sotapanna* adalah keyakinan yang teguh terhadap *Buddha*, *Dhamma* dan *Sangha*, dan juga *sila* yang sempurna.

PERINGKAT SOTAPANNA SECARA RELATIF TIDAK SUKAR DICAPAI

Dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 3.9.85 tercatat bahawa walaupun mempunyai nilai moral yang sempurna, para *Ariya* masih boleh melakukan pelanggaran *sila* yang kecil. Sebagai contoh, dalam *Samyutta Nikaya Sutta* 55.3.4 tercatat kematian seorang suku kaum Sakya yang bernama Sarakani. Buddha kemudian mengumumkan bahawa Sarakani telah mencapai peringkat *Sotapanna* (Buah/Hasil Peringkat Pertama) pada saat kematiannya⁶. Ramai orang tidak senang hati kerana Sarakani dianggap telah gagal dalam latihannya dan merupakan seorang pemabuk⁷.

Orang ramai sukar percaya bahawa dia adalah seorang *Sotapanna*. Apabila Buddha diberitahu bahawa ramai orang tidak percaya bahawa Sarakani telah mencapai peringkat *Sotapanna*, Buddha berkata: "... Mengapa, Mahanama, jikalau pokok-pokok Sal yang besar ini boleh mengetahui apa yang dikatakan sebagai pertuturan yang baik dan pertuturan yang tidak baik, saya juga akan mengumumkan pokok-pokok besar ini sebagai *Sotapanna*... yang menuju ke arah pencerahan. Lebih dari itu saya umumkan bahawa Sarakani dari suku kaum Sakya sebagai *Sotapanna* ...".

Peristiwa ini menunjukkan bahawa peringkat *Sotapanna* dicapai melalui pendengaran kata-kata Buddha dan pencapaiannya bukan sesukar yang dijangkakan. Masalahnya orang ramai mungkin tidak cukup berusaha untuk mempelajari khutbah yang merupakan panduan terbaik atau guru (seperti yang dinasihatkan oleh Buddha) demi pencapaian Pandangan Benar.

Majjhima Nikaya Sutta 14 mencatatkan bagaimana sepupu Buddha, Mahanama, datang berjumpa Buddha dan menyatakan bahawa dia telah lama mempelajari *Dhamma* dan tahu bahawa ketamakan, kebencian dan kebodohan adalah pencemaran. Akan tetapi, dia

⁶ Biasanya ini bermaksud bahawa peringkat Pemasuk Arus atau Visi *Dhamma* (Jalan Pertama) telah dicapai sebelum kematian seseorang – rujuk kepada *Samyutta Nikaya Sutta* 25.1.

⁷ Mungkin perlu diterangkan di sini bahawa *Sila* Sempurna dalam Jalan *Ariya* Berunsur Delapan merangkumi Pertuturan Sempurna, Tindakan Sempurna dan Penghidupan Sempurna. *Sila* Sempurna tidak termasuk *sila* yang melarang penggunaan arak/bahan yang memabukkan.

kadang-kadang tidak dapat mengawal mindanya apabila diserang oleh pencemaran ini. Dia bertanya kepada Buddha sama ada ini disebabkan oleh peringkat-peringkat dalaman yang masih belum diatasinya.

Buddha menjawab bahawa walaupun seorang pengikut *Ariya* telah melihat dengan kebijaksanaan bahawa ketamakan, kebencian dan kebodohan adalah salah, dia mungkin masih tertarik kepada kesenangan sensual kecuali dia telah mencapai *piti* (keseronokan) dan *sukha* (kebahagiaan). *Piti* dan *sukha* adalah faktor-faktor peringkat *jhana*. *Jhana* boleh diterjemahkan sebagai “peringkat keterangan mental” apabila minda menjadi terang disebabkan *satipatthana* (ingatan beramatan)⁸ dan konsentrasi.

Kita masih tertarik kepada kesenangan sensual kecuali selepas kita mencapai ketunggalan minda dan menikmati kebahagiaan yang lebih tinggi berbanding kesenangan sensual. Komentari *Sutta* menyatakan bahawa pada masa tersebut Mahanama adalah seorang *Sakadagamin*, walaubagaimanapun besar kemungkinan beliau hanya seorang *Sotapanna* kerana beliau mendedahkan bahawa dirinya masih diselubungi ketamakan, kebencian dan kebodohan. Oleh itu, *Sutta* ini menunjukkan bahawa terdapat *Ariya* yang belum mencapai *jhana* dan masih boleh dipengaruhi ketamakan, kebencian dan kebodohan. Sekali lagi, dalam konteks ini, terbukti bahawa peringkat *Sotapanna* tidak perlu setinggi yang dianggap sesetengah orang.

Sutta dan *Vinaya* mengandungi bukti orang awam mencapai peringkat pemasuk arus setelah mendengar *Dhamma* untuk kali pertama. Sebagai contoh, dalam buku-buku *Vinaya* (*Cullavagga*, Bab 7), kita dapati bahawa 31 orang yang dihantar untuk membunuh Buddha semuanya mencapai peringkat pemasuk arus setelah Buddha berkhotbah kepada mereka. Dalam peristiwa yang lain, 120,000 penduduk Rajagaha mencapai peringkat pemasuk arus setelah mendengar khutbah Buddha (*Mahavagga*, Bab 1) untuk kali pertama. Ini menunjukkan bahawa *jhana* tidak diperlukan demi pencapaian peringkat pemasuk arus kerana sukar dipercayai bahawa kesemua orang tersebut memiliki *jhana*.

TIADA PENCERAHAN TANPA PENGETAHUAN DHAMMA DAN JHANA

Buddha berjuang dengan penuh usaha untuk mencapai pencerahan. Beliau cuba semua cara yang diamalkan pelbagai guru selama enam tahun tanpa kejayaan. Menurut *Majjhima Nikaya Sutta* 36, beliau mencari cara alternatif menuju pencerahan *dan mengingat kembali pencapaian jhana di bawah pokok jambu mawar ketika beliau masih muda. Kemudian berdasarkan ingatan tersebut, beliau menyedari “Itulah jalan menuju pencerahan.”* Beliau berfikir, “Mengapa saya takut terhadap kesenangan (yang lahir dari *jhana*) yang tiada hubungan dengan kesenangan sensual dan keadaan tidak baik?”

Selepas itu, beliau mencapai keempat-empat *jhana* tersebut. Dengan minda yang tertumpu, yang “tulen, terang, tidak tercemar, bebas daripada ketidaksempurnaan,” beliau mengalakan minda kepada pengetahuan mengenai pelbagai kehidupan lampau beliau. Hanya selepas

⁸ Kira-kira lapan *sutta* (misalnya *Anguttara Nikaya Sutta* 5.2.14) menjelaskan sati sebagai “mengingati atau mengembalikan kepada minda apa yang diucapkan dan dilakukan pada masa lampau.”, iaitu ingatan atau memori. *Patthana* bermaksud keadaan beramatan atau ekstrim. Oleh itu, *Satipatthana* bermaksud keadaan sati yang beramatan dan ekstrim. Sila rujuk kepada “Perhatian, Ingatan, dan Konsentrasi” yang ditulis pengarang.

beliau memperoleh kuasa batin dan mengingat kembali kehidupan lampau “dengan segala ciri khas dan butiran,” barulah beliau mengingat kembali *Dhamma* yang dipelajari daripada Buddha Kassapa⁹. Selepas itu, beliau mengalakan minda kepada pengetahuan mengenai kematian dan kelahiran kembali makhluk-makhluk. Selepas itu, beliau merenungi Empat Kebenaran *Ariya* dan mencapai pencerahan.

Pengikut-pengikut beliau pula hanya memerlukan masa beberapa hari untuk mencapai pencerahan disebabkan pengetahuan *Dhamma* yang diajar kepada mereka oleh Buddha – Yang Mulia Sariputta memerlukan masa empat belas hari, Maha Kassapa memerlukan masa lapan hari, dan Maha Moggallana hanya memerlukan masa tujuh hari. Sebaliknya, para pertapa ajaran luaran yang tidak mempunyai pengetahuan *Dhamma* tidak mencapai pencerahan walaupun selepas pencapaian konsentrasi sempurna. Akan tetapi apabila sesetengah daripada mereka yang sudah mencapai konsentrasi sempurna mendengar *Dhamma*, mereka akan mencapai pembebasan dengan segera.

Walaubagaimanapun, kita gagal mencapai pencerahan walaupun setelah mendengar *Dhamma* yang serupa (*Sutta*) sekarang. Sebab utama sedemikian adalah kerana kita tidak memiliki konsentrasi sempurna. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pengetahuan *Dhamma* dan pencapaian empat *jhana* diperlukan untuk mencapai pembebasan penuh (peringkat *Arahant*).

LIMA KETIKA UNTUK PENCAPAIAN PENCERAHAN

Apa yang tercatat dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 5.3.26 adalah sangat menarik. *Sutta* ini menjelaskan lima ketika di mana seorang *bhikkhu* mencapai pembebasan. Kelima-lima ketika tersebut adalah:

Mendengar *Dhamma*

Ini membawa kegembiraan, khususnya jika seseorang tertarik kepada *Dhamma*. Ini secara semula jadi menenteramkan minda dan menjadikan minda aman dan tenang. Minda yang damai mudah tertumpu. Pemahaman arif (*Insight*) akan muncul dari minda yang tertumpu.

Mengajar *Dhamma*

Untuk mengajar *Dhamma*, seseorang perlu memahami dan merenungi *Dhamma*. Dari sini, muncul kegembiraan yang membawa ketenangan, konsentrasi dan pemahaman arif secara berturutan.

Mengulang *Dhamma*

Walaupun tidak menjadi kebiasaan sekarang, pengulangan *Dhamma* adalah perkara biasa pada zaman Buddha. Pada masa itu buku-buku tidak wujud. *Dhamma* terpelihara dan diturunkan kepada generasi berikutnya oleh mereka yang menghafal *Dhamma* melalui pengulangan berterusan. Para *bhikkhu* harus sangat biasa dengan *Dhamma* jikalau mereka hendak menyampaikan *Dhamma*. Oleh itu, para *bhikkhu* menggunakan banyak masa mengulang *Dhamma*.

⁹ Dalam *Majjhima Nikaya Sutta* 81 dan 123, Buddha menyatakan bahawa dalam kehidupan lampau, beliau merupakan seorang *bhikkhu* di bawah Buddha Kassapa – kemudian beliau dilahirkan di syurga *Tusita*. Selepas itu, beliau lahir sebagai seorang manusia dan mencapai pencerahan.

Hakikatnya, mengulang dan menghafal *Dhamma* adalah tugas para *bhikkhu* pada masa itu. Pengulangan yang berterusan ini membiasakan seseorang terhadap *Dhamma*. Apabila anda membaca, mendengar atau mengulang *Sutta* untuk kali pertama, anda akan mendapat tahap pemahaman tertentu. Dengan pengulangan yang lebih kerap, pemahaman anda semakin mendalam. Ini dituruti dengan urutan kegembiraan, ketenangan, konsentrasi dan pemahaman arif.

Merenung *Dhamma*

Ini melibatkan renungan, pemikiran dan pertimbangan *Dhamma* dalam pelbagai aspek, keesahan dan perkaitan dengan kehidupan kita. Dengan cara ini, pemahaman arif akan muncul melalui urutan perkembangan yang serupa.

Semasa meditasi

Menurut *Sutta*, ini melibatkan renungan terhadap tanda konsentrasi (*samadhi nimitta*), yang betul-betul difahami dan ditembusi. Ini diikuti oleh urutan kegembiraan, ketenangan, konsentrasi dan pemahaman arif.

Walaupun tidak disebutkan di sini, hasil kajian teliti *Sutta* dan *Vinaya* juga memberi gambaran bahawa kelima-lima ketika ini juga memungkinkan seseorang mencapai pembebasan separa, iaitu pencapaian pelbagai peringkat *Ariya* – Jalan (*magga*) dan Buah/Hasil (*phala*). Penting untuk diperhatikan bahawa daripada lima ketika ini, hanya satu adalah semasa meditasi formal manakala empat yang lain adalah di luar meditasi formal: mendengar, mengajar, mengulang, dan merenung *Saddhamma*. Dari sini, seseorang seharusnya dapat melihat kepentingan *Saddhamma* yang terdapat dalam *Sutta* tertua.

Jelas daripada *Sutta* ini bahawa empat objek *Sati* (Ingatan) harus direnungkan – iaitu tubuh badan, perasaan, minda dan *Dhamma* – *Dhamma* adalah yang terpenting. Oleh sebab itu kita dapati dalam buku *Vinaya* (*Mahavagga*, Bab 1) seribu enam puluh pengikut Buddha yang pertama semuanya mencapai pencerahan hanya dengan mendengar khutbah Buddha. Akan tetapi sudah tentu calon-calon ini mungkin dipilih khas oleh Buddha kerana mereka telah mencapai *jhana* dalam kehidupan sekarang ataupun kehidupan manusia mereka yang lalu. Ini kerana empat *jhana* adalah syarat yang wajib untuk pencapaian peringkat *Arahant* seperti yang tercatat dalam *Sutta* A.N. 9.36, M.N. 52, 64, dan lain-lain.

Dalam lima ketika ini, kedalaman pemahaman arif bergantung kepada kesempurnaan amalan Jalan *Ariya* Berunsur Delapan kita. Sebagai contoh, pemahaman arif mendalam adalah mungkin dengan Konsentrasi Sempurna (*jhana*) dan disokong oleh tujuh faktor Jalan *Ariya* Berunsur Delapan yang lain. Dalam kes ini, pencapaian peringkat yang tinggi seperti *Anagamin* dan *Arahant* dapat dijangkakan. Konsentrasi tanpa empat *jhana* menghasilkan pemahaman arif yang lebih cetek. Hasilnya mungkin *Sotapanna* atau *Sakadagamin*. Ini jelas daripada *Anguttara Nikaya Sutta* 3.85 dan 9.12 yang telah disebut sebelum ini.

Ini juga sangat jelas dalam Bab 1, *Mahavagga* (*Vinaya Pitaka*). Setelah Buddha menjadikan seribu orang pertapa rambut kusut pengikut beliau, Buddha menyampaikan Khutbah Api (*Aditta Sutta*), lalu kesemua seribu orang menjadi *Arahant*. Setelah itu, Buddha membawa mereka ke Rajagaha. Di sana Raja Bimbisara mengetuai dua belas *nahuta* umat awam datang mengunjungi Buddha. Menurut kamus Pali, satu *nahuta* adalah “jumlah yang besar, tidak terkira banyaknya”, dan menurut Komentari adalah 10,000. Buddha menyampaikan khutbah berperingkat mengenai *Dhamma*, yang pada asasnya mengenai Empat Kebenaran *Ariya*, dan kesemua dua belas *nahuta* orang (120,000!) mendapat Visi

Dhamma – pencapaian Jalan *Ariya* Pertama. Sesetengah daripada mereka mungkin pernah berlatih meditasi, tetapi agak mustahil kesemua jumlah orang yang besar ini pernah berbuat demikian.

KEPENTINGAN PENDENGARAN DHAMMA

Telah disebutkan sebelum ini bahawa salah satu daripada dua syarat yang diperlukan untuk kemunculan Pandangan Benar adalah suara orang lain (mengajar *Dhamma*). *Sutta* yang sama ini (*Majjhima Nikaya Sutta* 43) mencatat bahawa selepas pencapaian Pandangan Benar, lima syarat penting yang lain diperlukan untuk menyokong Pandangan Benar demi pencapaian pembebasan akhir, iaitu peringkat *Arahant*. Lima syarat tersebut adalah:

- Kemoralan (*sila*)
- Mendengar *Dhamma* (*dhammasavana*)
- Berbincang *Dhamma* (*dhammasakaccha*)
- Penenangan minda (*samatha*), dan
- Perenungan (*vipassana*)¹⁰

Vipassana dan *Samatha* masing-masing adalah sinonim dengan faktor ketujuh dan kelapan Jalan *Ariya* Berunsur Delapan.

Samatha adalah meditasi ajaran Buddha, yang membawa kepada *Samadhi* (Konsentrasi), iaitu empat *jhana*. Ini jelas menurut *Majjhima Nikaya Sutta* 108 yang mencatatkan bahawa meditasi yang dipuji oleh Buddha adalah empat *jhana*, dan *Majjhima Nikaya Sutta* 27 yang merujuk kepada *jhana* sebagai “bekas tapak kaki *Tathagata*.” Selain meditasi, seseorang harus melakukan empat perkara lain. Jelas bahawa seseorang tidak boleh menjadi *Arahant* dengan hanya bermeditasi. Selain Pandangan Benar, meditasi perlu disokong oleh kelakuan bermoral, pendengaran *Dhamma*, perbincangan *Dhamma* dan renungan terhadap *Dhamma* – rujuk kepada *Anguttara Nikaya Sutta* 5.3.26. Sudah tentu, pengetahuan *Sutta* yang kukuh dan amalan kesemua bahagian Jalan *Ariya* Berunsur Delapan yang lain adalah sangat penting.

Sutta di atas, bersama dengan *Anguttara Nikaya Sutta* 5.3.26 dan *Samyutta Nikaya Sutta* 45.1.8 yang disebutkan terlebih dahulu membuktikan kepentingan pendengaran *Dhamma* daripada langkah pertama (untuk mencapai Pandangan Benar), hingga ke langkah yang terakhir (untuk mencapai peringkat *Arahant*).

Dalam *Samyutta Nikaya Sutta* 38.16 tercatat bahawa adalah sukar untuk berlatih menurut *Dhamma* walaupun selepas seseorang melepaskan keduniaan dan menjadi *bhikkhu*. *Digha Nikaya Sutta* 16 pula menyatakan bahawa jika para *bhikkhu* menjalani kehidupan suci secara sempurna menurut *Dhamma-Vinaya*, dunia ini tidak akan kekurangan *Arahant*. Untuk berlatih secara sempurna menurut *Dhamma*, seseorang harus betul-betul memahami arahan Buddha di dalam *Sutta*.

¹⁰ Seperti dijelaskan dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 2.3.10, amalan *vipassana* membawa kepada pemahaman arif. Oleh itu, *vipassana* bukanlah pemahaman arif, tetapi perenungan.

KESIMPULAN

Kini, ada yang berlatih meditasi tanpa pengkajian *Sutta* dan menjadi terlalu yakin dengan pencapaian mereka. Ego mereka semakin bertambah sementara keterikatan mereka tidak berkurang. Jika mereka berlatih menurut *Dhamma*, pencemaran dan ciri-ciri buruk mereka, termasuk ego, tidak akan bertambah.

Seperti yang tercatat dalam *Anguttara Nikaya Sutta* 8.2.19, “... di dalam *Dhamma-Vinaya* ini terdapat latihan berperingkat, amalan berperingkat, kemajuan berperingkat, tiada apa-apa yang mendadak (*na ayatakena*), seperti penembusan pengetahuan (*annapativedha*).” Pegangan yang teguh kepada arahan Buddha di dalam *Sutta* dan *Vinaya*¹¹ adalah sangat penting untuk memastikan kita mengamalkan Jalan yang betul (dan oleh itu yang paling singkat). Setelah kita dapati bahawa terdapat Jalan yang sangat jelas dan pasti untuk keluar daripada kitaran kelahiran yang menyusahkan seperti yang ditunjukkan oleh Buddha, kita akan membelakangi jalan keduniaan dan mengikut Jalan Ariya menurut khutbah Buddha.

Anguttara Nikaya Sutta 7.67 memberi perumpamaan pemegang beliung tukang kayu. Dalam perumpamaan ini, Buddha menyatakan bahawa seorang tukang kayu, ketika sedang memeriksa pemegang beliungnya, melihat di atasnya tanda ibu jari dan jari-jari lainnya. Walaubagaimanapun, dia tidak mengetahui berapa banyak daripada pemegang beliung itu telah haus pada hari itu, hari sebelumnya, atau pada bila-bila masa. Akan tetapi, dia tahu ketika tahap kehausannya telah mencapai batasan. Demikian juga, dalam latihan kehidupan suci, seorang *bhikkhu* tidak tahu berapa banyak pencemaran yang telah dihauskan pada hari itu, hari sebelumnya, atau pada bila-bila masa, tetapi dia tahu ketika tahap kehausannya telah mencapai batasan. Perumpamaan ini menandakan bahawa seorang *bhikkhu* tidak dapat menyatakan dengan tepat peringkat kerohaniannya. Dia hanya boleh pasti apabila dia telah mencapai peringkat *Arahant*.

Menurut *Samyutta Nikaya Sutta* 56.4.9, setelah seseorang memperoleh pemahaman tentang Empat Kebenaran Ariya (iaitu mencapai Pandangan Benar) dia tidak akan lagi memandang seorang *bhikkhu* dan berfikir “Sudah pasti Yang Mulia ini adalah seorang yang mengetahui dan melihat!” Dengan kata lain, pencarian berterusan akibat kejahilan untuk seorang Guru telah berakhir. Dia menyedari bahawa Guru itu ada di sini, di hadapannya – *Sutta* (dan *Vinaya* untuk *bhikkhu/bhikkhuni*)! Tetapi, jika dia memerlukan seorang kawan baik (*kalyanamitta*) untuk membantunya, dia akan tahu cara untuk mencari orang yang sesuai.

CADANGAN SINGKAT CARA MENGENAL NIKAYA

Seseorang disyorkan untuk memulakan kajian dengan *Anguttara Nikaya* dan diikuti dengan *Samyutta Nikaya*. Ini adalah dua *Nikaya* terpenting kerana mengandungi *Sutta* terbanyak dan lantas mengandungi maklumat terbanyak. Selepas itu, kajilah *Digha Nikaya* dan akhir sekali, *Majjhima Nikaya*. Seseorang itu tidak semestinya perlu mempelajari bahasa Pali dan mengkaji teks Pali yang asal, walaupun ini adalah usaha terbaik. Penterjemahan yang sedia ada, walaupun tidak sempurna, mencukupi bagi seseorang mendapat pemahaman yang kukuh. Walau bagaimanapun, adalah bagus jika seseorang boleh merujuk kamus Pali berhubung apa-

¹¹ *Vinaya* selalunya merujuk kepada peraturan *bhikkhu/bhikkhuni* sahaja. Untuk umat awam, penjagaan lima *sila* setiap hari, lapan *sila* sekali seminggu dan penghidupan benar adalah sesuai.

apa penterjemahan yang meragukan.

Semasa mengkaji *Nikaya* untuk kali pertama, seseorang akan dapati bahawa sesetengah *Sutta* sukar difahami. Walau bagaimanapun, seseorang harus terus berusaha dan selepas mengkaji lebih banyak *Sutta*, dia akan mula memahami kandungan *Sutta* yang sukar difahami tersebut. Ini adalah serupa dengan pemasangan serpihan susun suai gambar. Pada mulanya, seseorang tidak dapat melihat gambaran keseluruhan. Hanya setelah lebih banyak serpihan dipasangkan, barulah gambaran keseluruhan mula terbentuk. *Nikaya* harus dikaji berulang kali untuk memperoleh pemahaman yang baik.

Walaupun buku-buku lain (misalnya Komentari dan Sub-komentari) mungkin bermanfaat, buku-buku tersebut tidak disyorkan (kecuali untuk para cendekiawan) kerana kajian ke atas buku-buku ini memakan masa yang terlalu lama. Di samping itu, buku-buku tersebut juga mengandungi pendapat-pendapat yang tidak konsisten dengan *Sutta* tertua. Setelah mengkaji *Nikaya*, seseorang harus menghabiskan masa dengan bermeditasi, dan mengamalkan *Dhamma*. Walaupun sesetengah orang mungkin tidak dapat mengkaji kesemua *Nikaya* secara menyeluruh, namun mereka boleh mendapat kebaikan dan kebiasaan yang mungkin memberi pembebasan daripada pembacaan *Nikaya* yang berterusan dan merenungi apa yang telah dibaca.

Ingat, tidak belajar merupakan satu ekstrim dan belajar secara keterlaluan adalah ekstrim yang lain. Demi mengelakkan kedua-dua ekstrim ini, kita harus (seperti dinasihati Buddha) menyelidik kata-kata Buddha yang terkandung dalam *Sutta* tertua, dan berusaha bersungguh-sungguh mengamalkan Jalan *Ariya* Berunsur Delapan menurut kata-kata Buddha.